

10 JAN 1996

UMNO

PEMUDA UMNO BUAT LAWATAN SUSULAN KE LAMPUNG

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO akan membuat kunjungan susulan ke Lampung di Sumatera mulai Isnin ini bagi melaksanakan perjanjian kerjasama yang ditandatangani dengan Angkatan Muda Pembaharuan Indonesia (AMPI).

Timbalan Pengerusi Biro Antarabangsa Pergerakan itu, Datuk A'sari Ibrahim hari ini berkata perjanjian persefahaman itu ditandatangani antara Pergerakan Pemuda UMNO Perak dan AMPI Lampung dan Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sembilan dengan AMPI Padang.

Lima anggota Pergerakan Pemuda UMNO yang akan ke sana diketuai oleh pemangku ketuanya, Datuk Nazri Abdul Aziz.

A'sari berkata keputusan membuat lawatan dicapai dalam mesyuarat Biro Antarabangsa Pergerakan itu di sini semalam. Mesyuarat itu turut merangka program biro itu tahun ini seperti memperkenalkan UMNO di kaca mata antarabangsa serta mengukuhkan hubungan dengan parti pemuda yang mewakili kerajaan negara-negara ASEAN.

Beliau juga berkata Persidangan Tahunan UMNO-AMPI akan diadakan di Malaysia tahun ini dan tempatnya masih belum ditentukan.

Menurutny, Pergerakan Pemuda UMNO juga akan menjadi penganjur Persidangan Pemimpin Pemuda Ekonomi Asia Timur yang kali terakhir diadakan di Beijing, China.

Sementara itu, UMNO Selangor pula akan mengadakan seminar sehari Ahad ini untuk mengumpul maklumat balas daripada semua 17 bahagiannya mengenai keperluan menilai semula perlembagaan UMNO sesuai dengan keperluan semasa.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berkata rumusan daripada seminar itu yang akan dihadiri oleh 20 orang wakil dari setiap bahagian, akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Ad-hoc Mengenai Perlembagaan UMNO yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Antara perkara-perkara yang akan dinilai ialah undi bonus, kelayakan bertanding seseorang anggota UMNO, politik wang, disiplin parti dan jangka masa pemilihan parti," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Muhammad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor berkata maklumat balas daripada anggota mengenai perkara-perkara itu penting kerana ia akan menjadi asas memperkukuhkan UMNO untuk memasuki abad ke-21 dan berdepan dengan pelbagai cabaran baru.

Anggota-anggota UMNO dari negeri-negeri lain dipelawa hadir pada seminar itu yang akan dirasmikan oleh Muhammad pada 9 pagi di Dewan Jubli Perak di Shah Alam. -- BERNAMA